

19/08/2000

Tindakan jika bangkitkan isu hak Bumiputera

KUALA KLAWANG, Jumaat - Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, memberi amaran tindakan undang-undang boleh diambil terhadap mana-mana pihak yang cuba membangkitkan isu hak keistimewaan orang Melayu.

Katanya, tidak ada pihak boleh mempertikaikan hak keistimewaan orang Melayu bersama kedudukan Raja-Raja Melayu dan Bahasa Melayu yang termaktub dalam Perlembagaan.

Katanya, tindakan boleh diambil mengikut Seksyen 34 Akta Hasutan terhadap pihak yang membangkitkan perkara itu hingga menimbulkan perbalahan masyarakat.

"Kenyataan yang menyinggung jika keterlaluan dan memecahbelahkan perpaduan masyarakat boleh dianggap menghasut dan menyalahi undang-undang," katanya selepas merasmikan mesyuarat agung Badan Khairat Kematian Masjid Kampung Chenor dekat sini, hari ini.

Beliau bersetuju dengan ketegasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk mempertahankan hak keistimewaan orang Melayu.

Rais berkata, kenyataan Dr Mahathir sebenarnya adalah pesanan lama yang berulang kali diingatkannya.

Oleh itu, katanya adalah tidak wajar mana-mana pihak membangkitkan lagi perkara itu yang termaktub sejak 1948 melalui perjanjian Persekutuan Tanah Melayu dan dimasukkan dalam Perlembagaan 1957.

"Semua pihak bersetuju berhubung perkara ini dan mengapa hendak dicuit lagi," katanya.

(END)